



Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

LAPORAN TAHUNAN
K W S M P
2017

A circular graphic resembling a water drop, containing three smaller images related to water infrastructure: a water treatment plant, a river scene, and another view of industrial pipes.

Kumpulan Wang Sumbangan
Modal Pembetungan

KANDUNGAN

| | |
|--|----|
| PENGENALAN | 2 |
| AKTIVITI TAHUN 2017 | 3 |
| PROJEK SISTEM PEMBETUNGAN DI BAWAH KUMPULAN SUMBANGAN MODAL (KWSMP) SIAP YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2017 | 5 |
| STATUS PROJEK DI BAWAH PEMBIAYAAN KWSMP | 12 |
| PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2017 | 16 |
| PERANCANGAN MASA HADAPAN | 19 |
| PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 | 20 |

1.0 PENGENALAN

Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP) ditubuhkan di bawah Seksyen 172 Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655) dengan berkuat kuasanya **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan) 2010** mulai 1 Januari 2011.

KWSMP merupakan kumpulan wang yang disumbangkan oleh pemaju atau orang yang membina:

- i. bangunan dan menyambungkan bangunan itu ke suatu pembetung awam;
- ii. tempat rawatan kumbahan tanpa kemudahan pemprosesan enap cemar atau penjana kuasa tunggu sedia atau kedua-duanya; dan
- iii. tangki septik individu atau tangki septik komunal yang menghendaki suatu kemudahan pemprosesan enap cemar di luar tapak.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) merupakan pengurus, pengawal dan pengendali KWSMP selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 172 (1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 bermula pada 1 Januari 2011.

1.1 JAWATANKUASA KWSMP SPAN

Selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 13 Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654), Suruhanjaya telah menubuhkan **Jawatankuasa KWSMP SPAN (JKWSMP SPAN)** bagi mengendalikan hal ehwal berkenaan dengan pengurusan dana KWSMP. Di antara lain fungsinya adalah memutuskan dasar dan tatacara berhubung dengan penggunaan kumpulan wang selaras dengan tujuan penubuhan kumpulan wang tersebut.

JKWSMP SPAN dianggotai oleh 4 Ahli Suruhanjaya termasuk Ketua Pegawai Eksekutif SPAN. Sekretariat bagi JKWSMP SPAN adalah Bahagian Perancangan dan Kawalan Tadahan, Jabatan Kawal Selia Pembetungan.

1.2 JAWATANKUASA PENILAIAN

Dua jawatankuasa kerja di peringkat pelaksanaan telah ditubuhkan bagi membantu JKWSMP SPAN menjalankan fungsinya iaitu Jawatankuasa Penilaian Utama (JakPen Utama) dan Jawatankuasa Penilaian Kecil (JakPen Kecil). Kedua-dua jawatankuasa penilaian ini berperanan untuk menilai permohonan daripada pemaju berhubung dengan pembayaran sumbangan KWSMP seperti offset pembayaran dengan kerja menaik taraf sistem pembetungan yang telah dibuat, permohonan tuntutan balik bayaran dan permohonan kelonggaran kadar bayaran berdasarkan kategori tertentu yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan) 2010.

Mengikut prosedur yang telah ditetapkan, kesemua permohonan tersebut hendaklah dinilai terlebih dahulu oleh JakPen Kecil di peringkat pejabat wilayah dan selanjutnya dibentangkan ke JakPen Utama di peringkat ibu pejabat bagi tujuan mengesyorkan pertimbangan sebelum diangkat ke JKWSMP SPAN untuk diluluskan.

JakPen Utama dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SPAN dan ahli-ahlinya terdiri daripada beberapa pegawai kanan SPAN dan juga wakil daripada REHDA, IEM dan IWK. Sekretariat JakPen Utama adalah Bahagian Perancangan dan Kawalan Tadahan, Jabatan Kawal Selia Pembetungan.

Manakala JakPen Kecil akan dipengerusikan oleh Pengarah Wilayah masing-masing dengan keahlian turut melibatkan wakil daripada agensi perakuan serta operator pembetungan. Sekretariat JakPen Kecil adalah mengikut pejabat wilayah masing-masing.

2.1 MESUARAT JAWATANKUASA KWSMP SPAN

Sepanjang tahun 2017, JKWSMP SPAN telah bersidang sebanyak tujuh (7) kali seperti mana yang berikut :

| Mesyuarat | Tarikh |
|-----------------------------------|-------------------|
| Mesyuarat JKWSMP SPAN Bil. 1/2017 | 19 Januari 2017 |
| Mesyuarat JKWSMP SPAN Bil. 2/2017 | 2 Mac 2017 |
| Mesyuarat JKWSMP SPAN Bil. 3/2017 | 29 Mac 2017 |
| Mesyuarat JKWSMP SPAN Bil. 4/2017 | 15 Jun 2017 |
| Mesyuarat JKWSMP SPAN Bil. 5/2017 | 10 Ogos 2017 |
| Mesyuarat JKWSMP SPAN Bil. 6/2017 | 14 September 2017 |
| Mesyuarat JKWSMP SPAN Bil. 7/2017 | 22 November 2017 |

Jadual 1: Mesyuarat Jawatankuasa KWSMP SPAN pada 2017

Sejumlah 27 kertas kerja telah dibentangkan merangkumi 26 kertas pertimbangan dan satu (1) kertas makluman.

2.2 STATISTIK KEPUTUSAN PERMOHONAN BERKAITAN DENGAN PEMBAYARAN KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBENTUNGAN BAGI TAHUN 2017

Sepanjang tahun 2017 sebanyak 115 kes telah dibentangkan ke Mesyuarat JKWSMP SPAN mengikut syor oleh Jawatankuasa Penilaian Utama (JakPen Utama). Daripada jumlah tersebut, 92 kes melibatkan permohonan offset, 11 kes permohonan tuntutan balik bayaran dan 12 kes adalah permohonan kelonggaran kadar bayaran berdasarkan kategori tertentu.

2.2.1 Permohonan offset

Bagi kategori rayuan offset KWSMP yang mana pemaju dibenarkan untuk kontra pembayaran dengan kerja-kerja menaik taraf yang telah dilakukan, sejumlah 92 kes permohonan telah dibentangkan. 86 kes daripadanya telah diluluskan, empat (4) kes ditolak dan dua (2) kes ditangguhkan.

Bagi 86 kes permohonan offset yang telah diluluskan, didapati bahawa:

- i. 56 kes melibatkan kos menaik taraf melebihi daripada amaun KWSMP yang perlu dibayar dan pemaju tidak boleh menuntut lebihan tersebut;
- ii. 24 kes melibatkan kos menaik taraf lebih rendah daripada amaun KWSMP yang perlu dibayar dan pemaju perlu menjelaskan baki bayaran; dan
- iii. enam (6) kes merupakan pembangunan secara berfasa yang mana pemaju boleh memohon offset bagi fasa-fasa akan datang.

2.2.2 Permohonan Tuntutan Balik Pembayaran

Kes-kes tuntutan balik lebihan bayaran KWSMP merangkumi perkara-perkara disebabkan oleh penukaran jenis sistem pembentungan, pembatalan pembangunan, tuntutan selepas kelulusan offset serta pro-rata dan pembangunan didapati berada dalam kawasan tadahan sedia ada. Sejumlah 11 kes telah dibentangkan ke JKWSMP SPAN dan semuanya telah diluluskan.

2.0 AKTIVITI TAHUN 2017

2.2.3 Permohonan Kelonggaran Kadar Bayaran

Bagi kategori ini, pemaju memohon untuk dikenakan kadar bayaran mengikut kategori yang lain atas sebab-sebab yang tertentu dan bukannya mengikut kadar yang telah ditetapkan semasa di peringkat awal. Sebagai contoh, pemaju memohon dikenakan kadar berdasarkan kepada kos kontrak (bagi projek kerajaan) dan bukannya satu (1) peratus daripada harga jualan atau nilai semasa. Sebanyak 12 kes telah dibentangkan ke JKWSMP SPAN yang mana lapan (8) kes telah diluluskan, dua (2) kes ditolak dan dua (2) kes ditangguhkan.

2.3 KRITERIA DAN KAEDAH PEMARKAHAN CADANGAN PROJEK BAGI PEMBIAYAAN DI BAWAH PERUNTUKAN DANA KWSMP

Sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 172 (3) Akta 655, dana KWSMP hendaklah digunakan untuk projek, program, aktiviti dan perkara-perkara yang berikut :

- i. untuk menambah perbelanjaan modal yang dikehendaki bagi sistem pembetungan awam;
- ii. untuk melaksanakan sistem pembetungan serantau; dan
- iii. apa-apa maksud lain yang ditentukan oleh Menteri.

Mesyuarat JKWSMP SPAN Bil. 3/2017 telah bersetuju supaya peratusan penggunaan dana KWSMP setelah ditolak nilai rizab adalah 40 peratus untuk menambah perbelanjaan modal sistem pembetungan awam, 40 peratus untuk pelaksanaan sistem pembetungan serantau dan baki 20 peratus lagi untuk apa-apa maksud lain yang ditentukan oleh Menteri. Daripada 20 peratus tersebut, 10 peratus untuk kerja-kerja kecemasan dan 10 peratus lagi untuk lain-lain maksud.

JKWSMP SPAN juga telah bersetuju untuk meluluskan mekanisme pemilihan projek berdasarkan kepada kriteria dan kaedah pemarkahan yang telah dibangunkan berpandukan kepada punca kuasa di bawah Seksyen 172 (3) Akta 655 seperti mana yang berikut:

- i. Kategori 1 – Penambahan perbelanjaan modal sistem pembetungan awam;
- ii. Kategori 2 – Pelaksanaan sistem pembetungan serantau berpandukan Pelan Pembangunan Pembetungan; dan
- iii. Kategori 3 – Pelaksanaan projek-projek kecemasan yang menyebabkan kacau ganggu kepada orang awam dan pencemaran alam sekitar.

3.0 PROJEK SISTEM PEMBETUNGAN DI BAWAH KUMPULAN SUMBANGAN MODAL (KWSMP) YANG SIAP DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2017

Komit dengan penyediaan infrastruktur pembetungan yang mencapai standard serta setanding dengan perkembangan teknologi, Suruhanjaya telah dapat melaksanakan projek-projek dalam masa yang ditetapkan. Dari tahun 2012 hingga 2017, sebanyak 18 daripada 26 projek telah berjaya disempurnakan. Dua (2) projek berjaya disiapkan dengan sempurna pada tahun 2017.

CADANGAN MEMBAIKPULIH 10 LOJI RAWATAN KUMBAHAN DI NEGERI PAHANG DAN TERENGGANU (REKA DAN BINA)

SEBELUM DINAIKTARAF



SETELAH SIAP DISEMPURNAKAN



HJT005 – TAMAN PERDANA (JERANTUT)



HJT006 – KUARTERS POLIS JERANTUT (JERANTUT)

3.0 PROJEK SISTEM PEMBETUNGAN DI BAWAH KUMPULAN SUMBANGAN MODAL (KWSMP) YANG SIAP DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2017

CADANGAN MEMBAIKPULIH 10 LOJI RAWATAN KUMBAHAN DI NEGERI PAHANG DAN TERENGGANU (REKA DAN BINA)

SEBELUM DINAIKTARAF



SETELAH SIAP DISEMPURNAKAN



KUN134 – TAMAN SRI AIR PUTIH (KUANTAN)



HTH052 – TAMAN BUKIT BENDERA INTAN (MENTAKAB)

3.0 PROJEK SISTEM PEMBENTUNGAN DI BAWAH KUMPULAN SUMBANGAN MODAL (KWSMP) YANG SIAP DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2017

CADANGAN MEMBAIKPULIH 10 LOJI RAWATAN KUMBAHAN DI NEGERI PAHANG DAN TERENGGANU (REKA DAN BINA)

SEBELUM DINAIKTARAF



SETELAH SIAP DISEMPURNAKAN



HMN018 – TAMAN SRI JAYA INDAH (MARAN)



KUN111 & KUN158 – TAMAN KEMPADANG PERDANA (KUANTAN)

3.0 PROJEK SISTEM PEMBETUNGAN DI BAWAH KUMPULAN SUMBANGAN MODAL (KWSMP) YANG SIAP DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2017

CADANGAN MEMBAIKPULIH 10 LOJI RAWATAN KUMBAHAN DI NEGERI PAHANG DAN TERENGGANU (REKA DAN BINA)

SEBELUM DINAIKTARAF



SETELAH SIAP DISEMPURNAKAN



HJT010 – TAMAN CEMPaka & ALAMANDA (JERANTUT)



KUN147 – TAMAN PADANG JAYA (KUANTAN)

3.0 PROJEK SISTEM PEMBENTUNGAN DI BAWAH KUMPULAN SUMBANGAN MODAL (KWSMP) YANG SIAP DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2017

CADANGAN MEMBAIKPULIH 10 LOJI RAWATAN KUMBahan DI NEGERI PAHANG DAN TERENGGANU (REKA DAN BINA)

SEBELUM DINAIKTARAF



SETELAH SIAP DISEMPURNAKAN



TKN041 – TAMAN BUKIT MENTOK (KEMAMAN)

CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF STESEN PAM KUMBahan (LAN002) DI PUSAT BANDAR LABUAN, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (REKA DAN BINA)

SEBELUM DINAIKTARAF



SETELAH SIAP DISEMPURNAKAN



LAN002 – PUSAT BANDAR LABUAN

3.0 PROJEK SISTEM PEMBETUNGAN DI BAWAH KUMPULAN SUMBANGAN MODAL (KWSMP) YANG SIAP DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2017

CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF LOJI RAWATAN (PEG073), BATU FERRINGHI, PULAU PINANG (REKA & BINA)

SEBELUM DINAIKTARAF



SETELAH SIAP DISEMPURNAKAN



PEG073 – BATU FERRINGHI (PULAU PINANG)

CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF SEBUAH LOJI RAWATAN KUMBahan (GSG161) DI KOTA WARISAN, DAERAH SEPANG, SELANGOR (REKA & BINA)

SEBELUM DINAIKTARAF



SETELAH SIAP DISEMPURNAKAN



GSG161 – KOTA WARISAN (SEPANG)

3.0 PROJEK SISTEM PEMBENTUNGAN DI BAWAH KUMPULAN SUMBANGAN MODAL (KWSMP) YANG SIAP DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2017

CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF SEBUAH LOJI RAWATAN KUMBAHAN (SPI148) DI TAMAN
SEMPADAN, NIBONG TEBAL, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG (REKA & BINA)

SEBELUM DINAIKTARAF



SETELAH SIAP DISEMPURNAKAN



SPI148 – TAMAN SEMPADAN (NIBONG TEBAL)

4.0 STATUS PROJEK DI BAWAH PEMBIAYAAN KWSMP

Sehingga 2017, sebanyak 26 projek di bawah pembiayaan dana KWSMP telah dilaksanakan. 10 projek dilaksanakan melalui pelantikan Perunding Pengurusan Projek (PMC), 14 projek dikendalikan oleh SPAN, manakala selebihnya dikendalikan bersama pihak pemaju. Sehingga tahun 2017, sebanyak 22 projek dapat disiapkan sepenuhnya manakala empat (4) projek lagi sedang dalam peringkat pelaksanaan.

| Pengurus Projek | Status | |
|--|-----------|-------------------|
| | Siap | Dalam Pelaksanaan |
| Perunding Pengurusan Projek – Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) | 8 | 2 |
| Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) | 12 | 2 |
| Lain-lain (Usaha sama Pemaju/ Unit Operasi IWK) | 2 | 0 |
| Jumlah Keseluruhan Projek | 22 | 4 |

Jadual 2: Kemajuan Projek Sehingga Disember 2017

Lapan (8) projek daripada 10 projek yang melalui lantikan PMC – Indah Water Konsortium Sdn Bhd, telah siap dilaksanakan sepenuhnya. Dua (2) projek yang dalam tindakan PMC adalah:

- i. Cadangan Membina Rangkaian Paip Pembetungan di Sri-Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan; dan
- ii. Cadangan Menaiktaraf Paip Pembetungan Di Jalan Sultan Ahmad Shah, Georgetown, Pulau Pinang (Reka dan Bina).

4.1 STATUS PROJEK–PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH PERUNDING PENGURUSAN PROJEK – INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD

| BIL. | NAMA PROJEK | ANGGARAN KOS (RM) | TEMPOH KERJA (BULAN) | KEMAJUAN KERJA (%) |
|------|---|---------------------|---|--------------------|
| 1 | Cadangan Membina dan Menyiapkan 1 Unit Sistem Nyah-Air Mekanikal (MDU) dan Sebuah Loji Pakej di Mukim Jamaluang, Daerah Mersing, Johor. | 2,323,250.00 | 13 (27 – 6 – 2012 hingga 26 – 7 – 2013) | 100 |
| 2 | Cadangan Membina dan Menyiapkan 1 Unit Sistem Nyah-Air Mekanikal (MDU) di Loji Sedia ada (JAN082) di Taman Perindustrian Jasin, Daerah Jasin, Melaka. | 2,880,000.00 | 12 (19 – 11 – 2012 hingga 18 – 11 – 2013) | 100 |
| 3 | Cadangan Membina dan Menyiapkan 1 Unit Sistem Nyah-Air Mekanikal (MDU) dan Sebuah Loji Pakej di Lot 4596 & 6199 Teluk Kalong, Chukai, Daerah Kemaman, Terengganu. | 3,600,000.00 | 15 (26 – 11 – 2012 hingga 25 – 2 – 2014) | 100 |

4.0 STATUS PROJEK DI BAWAH PEMBIAYAAN KWSMP

| BIL. | NAMA PROJEK | ANGGARAN KOS (RM) | TEMPOH KERJA (BULAN) | KEMAJUAN KERJA (%) |
|-------------------------------------|--|----------------------|--|--------------------|
| 4 | Cadangan Membaik pulih Paip Pembetungan Dan Stesen Pam (KIM083) di Kulim Techno-City, Kulim, Kedah. | 2,369,700.00 | 15 (15 – 5 – 2013 hingga 14 – 8 – 2014) | 100 |
| 5 | Cadangan Menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan Bandar Mahkota Cheras (HLT227), Selangor. | 8,923,510.00 | 18 (9 – 5 – 2013 hingga 7 – 11 – 2014) | 100 |
| 6 | Perkhidmatan Perunding Kejuruteraan Bagi: Cadangan Kerja-kerja Mereka bentuk Untuk Menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan Berpusat di Bayan Baru (PEG061), Pulau Pinang. | 9,108,766.75 | 46 (1 – 3 – 2013 hingga 1 – 11 – 2013) | 100 |
| 7 | Perkhidmatan Perunding Kejuruteraan Bagi: Cadangan Tambahan dan Menaik taraf Rangkaian Paip Pembetungan dan Kerja-kerja Berkaitan di Bayan Baru, Pulau Pinang. | 4,943,654.91 | 46 (1 – 3 – 2013 hingga 1 – 11 – 2013) | 100 |
| 8 | Perkhidmatan Perunding Kejuruteraan Bagi Cadangan Membina Paip Pembetungan Bagi Kawasan Si-Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan. | 4,577,353.09 | 46 (1 – 3 – 2013 hingga 1 – 3 – 2017) | 100 |
| 9 | Cadangan Membina Rangkaian Paip Pembetungan di Sri-Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan. | 51,991,773.00 | 36 (14 – 9 – 2015 hingga 13 – 9 – 2018) | 83 |
| 10 | Cadangan Menaik taraf Paip Pembetungan di Jalan Sultan Ahmad Shah, Georgetown, Pulau Pinang. (Reka dan Bina) | 8,963,379.20 | 18 (17 – 10 – 2013 hingga 16 – 4 – 2015) | 88 |
| JUMLAH PERBELANJAAN (RM) – A | | 99,681,386.95 | | |

Jadual 3: Projek-projek yang dilaksanakan oleh Perunding Pengurusan Projek – Indah Water Konsortium Sdn Bhd

4.0 STATUS PROJEK DI BAWAH PEMBIAYAAN KWSMP

Sebanyak 12 projek daripada 14 projek di bawah kendalian SPAN telah disiapkan sepenuhnya. Bagi tahun 2017 sahaja, sebanyak lima (5) projek berjaya disiapkan dalam tempoh yang disasarkan manakala dua (2) lagi projek masih dalam tempoh pembinaan. Sebuah (1) projek telah diberikan lanjutan masa iaitu:

- Cadangan Kerja-kerja Membaik pulih dan Menaik taraf Rangkaian Paip Pembetungan di Seksyen 15 dan Seksyen 16, Shah Alam, Selangor (Reka & Bina).

Selain itu, terdapat dua (2) lagi projek yang telah disiapkan dengan kerjasama daripada pemaju dan juga Unit Operasi IWK. Jadual di bawah menunjukkan senarai projek-projek yang dikendalikan oleh SPAN termasuk projek-projek yang dikendalikan bersama pihak pemaju.

| BIL. | NAMA PROJEK | ANGGARAN KOS (RM) | TEMPOH KERJA (BULAN) | KEMAJUAN KERJA (%) |
|------|--|----------------------|---|--------------------|
| 1 | Cadangan Kerja-kerja Membaik pulih dan Menaik taraf Rangkaian Paip Pembetungan di Taman Bukit Perdana, Batu Pahat, Johor. (Reka dan Bina) | 5,960,484.00 | 12 (9 – 4 – 2014 hingga 8 – 4 – 2015) | 100 |
| 2 | Cadangan Membina Paip Pembetungan dari Halaman Free School ke Stesen Pam Taman Free School, Pulau Pinang. (Reka dan Bina) | 7,525,088.28 | 18 (9 – 4 – 2014 hingga 8 – 10 – 2015) | 100 |
| 3 | Cadangan Kerja-kerja Membaik pulih dan Menaik taraf Rangkaian Paip Pembetungan di Seksyen 15 dan Seksyen 16, Shah Alam, Selangor. (Reka dan Bina) | 26,367,412.52 | 24 (14 – 5 – 2014 hingga 13 – 5 – 2016) | 95 |
| 4 | Cadangan Pembinaan Paip Pembetungan Bertekanan Tinggi dari Stesen Pam Kumbahan Gurney Drive (PEG128) ke Stesen Pam Kumbahan Medan Lim Cheng Teik (PEG129), Pulau Pinang. (Reka dan Bina) | 35,575,252.98 | 24 (14 – 5 – 2014 hingga 13 – 5 – 2016) | 100 |
| 5 | Cadangan Kerja-kerja Menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan (PEG073), Batu Ferringhi, Pulau Pinang. (Reka dan Bina) | 46,423,743.00 | 32 (14 – 5 – 2014 hingga 13 – 1 – 2017) | 100 |
| 6 | Cadangan Kerja-kerja Menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan (NTN104) di Pasar Bandar Gemas, Seremban, Negeri Sembilan. (Reka dan Bina) | 7,595,192.89 | 18 (2 – 10 – 2014 hingga 1 – 4 – 2016) | 100 |
| 7 | Cadangan Kerja-kerja Menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan (KUN006) di Taman Mahkota, Kuantan, Pahang. (Reka dan Bina) | 6,826,558.00 | 18 (2 – 10 – 2014 hingga 1 – 4 – 2016) | 100 |

4.0 STATUS PROJEK DI BAWAH PEMBIAYAAN KWSMP


| BIL. | NAMA PROJEK | ANGGARAN KOS (RM) | TEMPOH KERJA (BULAN) | KEMAJUAN KERJA (%) |
|---|---|-----------------------|--|--------------------|
| 8 | Cadangan Kerja-kerja Membaik pulih Sebuah Loji Rawatan Kumbahan dan Stesen Pam di Lembah Beringin, Hulu Selangor. (Reka dan Bina) | 5,210,793.00 | 18 (8 – 1 – 2015 hingga 7 – 7 – 2016) | 100 |
| 9 | Cadangan Kerja-kerja Membaik pulih Sebuah Loji Rawatan Kumbahan di Taman Seri Rasa, Hulu Selangor, Selangor. (Reka dan Bina) | 1,226,831.28 | 15 (2 – 3 – 2015 hingga 1 – 6 – 2016) | 100 |
| 10 | Cadangan Kerja-kerja Membaik pulih 10 Buah Loji Rawatan Kumbahan di Negeri Pahang Dan Terengganu. (Reka dan Bina) | 17,670,200.00 | 24 (5 – 5 – 2015 hingga 4 – 5 – 2017) | 100 |
| 11 | Cadangan Kerja-kerja Menaik taraf Stesen Pam Kumbahan (LAN002) di Pusat Bandar Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan. (Reka dan Bina) | 6,147,066.14 | 18 (1 – 4 – 2015 hingga 30 – 9 – 2016) | 100 |
| 12 | Cadangan Kerja-kerja Menaik taraf Sebuah Loji Rawatan Kumbahan (GSG161) di Kota Warisan, Daerah Sepang, Selangor. (Reka dan Bina) | 43,120,800.00 | 30 (1 – 7 – 2015 hingga 31 – 12 – 2017) | 100 |
| 13 | Cadangan Kerja-kerja Menaik taraf Sebuah Loji Rawatan Kumbahan (SPI148) di Taman Sempadan, Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. (Reka dan Bina) | 17,829,200.00 | 24 (1 – 7 – 2015 hingga 30 – 6 – 2017) | 100 |
| 14 | Cadangan Kerja-kerja Menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan Serantau (SEN330) di Kuala Sawah, Daerah Seremban, Negeri Sembilan. (Reka dan Bina) | 80,496,400.00 | 36 (11 – 4 – 2016 hingga 10 – 4 – 2019) | 57 |
| 15 | Cadangan Kerja-kerja Membaik pulih Sebuah Loji Rawatan Kumbahan di Bandar Darul Aman | 197,500.00 | Telah disiapkan dengan kerjasama pemaju. | |
| 16 | Cadangan Pembaikan Loji Rawatan Kumbahan di Taman Serendah | 482,200.00 | Dijalankan oleh IWK menggunakan peruntukan tabung kecemasan KWSMP. | |
| JUMLAH PERBELANJAAN (RM) – B | | 308,654,722.09 | | |
| JUMLAH PERBELANJAAN KESELURUHAN SEHINGGA KINI (RM) (A + B) | | 408,336,109.04 | | |

Jadual 4: Kemajuan Projek di Bawah Kendalian SPAN Sehingga Tahun 2017

5.0 PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2017

Kutipan tahunan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembentungan (KWSMP) meningkat dari semasa ke semasa sejajar dengan pertumbuhan sektor industri pembangunan harta tanah. Namun begitu, kutipan bagi tahun 2017 mencatatkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 7 peratus. Carta 1 menunjukkan trend peningkatan kutipan KWSMP sejak ia diperkenalkan pada tahun 2011. Purata kenaikan kutipan jika dibandingkan dari tahun 2011, peningkatan adalah sangat ketara, iaitu sebanyak 89 peratus sehingga tahun 2017. Kutipan terkumpul pada tahun 2017 sahaja adalah sebanyak RM360.3 juta manakala kutipan terkumpul dari tahun 2011 sehingga 31 Disember 2017 adalah sebanyak RM1.87 bilion.

Kutipan Tahunan KWSMP (RM)




Carta 1: Kutipan Tahunan KWSMP

Peningkatan kutipan ini disumbangkan oleh semua negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Jumlah kutipan KWSMP pada tahun 2017 sebanyak RM360.3 juta merupakan catatan tertinggi sejak tahun 2011. Kutipan tertinggi diperoleh daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan kadar 45.7 peratus disusuli oleh Selangor (22.4 peratus) dan Pulau Pinang (21.3 peratus).

5.0 PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2017


Kutipan tertinggi yang diperoleh daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah disebabkan kadar pembinaan projek-projek perumahan dan komersil yang sangat giat dijalankan bagi memenuhi permintaan dan kehendak penduduk setempat.



Carta 2: Kutipan KWSMP Tahun 2017 Mengikut Negeri

5.0 PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2017

Terdapat pelbagai sumber kutipan KWSMP seperti caj penyambungan premis ke sistem pembetungan awam, caj pengosongan tangki septik individu dan caj menaik taraf yang mengakibatkan pertambahan penduduk setara. Bagi tahun 2017, sumbangan tertinggi diperolehi daripada caj penyambungan ke sistem pembetungan awam di mana hasil sumbangan adalah sebanyak 94 peratus, diikuti pula dengan caj pengosongan tangki septik individu iaitu sebanyak 3 peratus.



Carta 3: Pecahan Sumber Sumbangan KWSMP

6.0 PERANCANGAN MASA HADAPAN

Selain menangani isu serta masalah semasa berkaitan sistem pembetungan, objektif untuk memantapkan perkhidmatan pembetungan negara dan kelestarian infrastruktur pembetungan sejajar dengan perkembangan teknologi dan inovasi terkini, beberapa perancangan dan pelan rangka kerja telah disediakan.

Sebagai contoh, bagi memastikan pantai-pantai pelancongan negara tidak tercemar dengan kandungan kumbahan yang boleh mengakibatkan jangkitan penyakit bawaan air, tumpuan untuk melaksanakan penyambungan loji rawatan di premis-premis persendirian dan kerajaan ke sistem pembetungan awam telah mula dirangka. Pada peringkat permulaan, Port Dickson merupakan lokasi permulaan bagi menjayakan program ini. Kerjasama di peringkat Kerajaan Negeri mahupun pemilik premis dapat mempercepatkan pelaksanaan program ini. Sejumlah peruntukan menggunakan dana KWSMP telah diluluskan bagi kerja-kerja penyambungan dari premis persendirian ke sistem pembetungan awam ini. Mekanisme kerja bagi pelaksanaan projek adalah dalam peringkat perbincangan dan akan diputuskan kelak.

Selain itu, pelan tindakan yang berterusan yang sentiasa dititik beratkan adalah kerja-kerja yang memerlukan tindakan segera seperti kerja-kerja kecemasan. Rangka kerja yang memerlukan komitmen tinggi serta memberi impak segera ini sentiasa diberi perhatian sewajarnya bagi menjamin kesejahteraan awam disertai perkhidmatan yang mapan.

**PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG
SUMBANGAN MODAL**

**PEMBETUNGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2017**





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 18.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Suruhanjaya Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006(Akta 654). Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya.

- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan perseimbahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Anggota Suruhanjaya, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalam yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain


Berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006(Akta 654), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(SWAIBATUL ASLAMIR BINTI HAJI HUSAIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

PUTRAJAYA
30 JULAI 2018



PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN

Kami, **Dato' Dr. Tan Yew Chong** dan **Dato' Mohd Ridhuan bin Ismail**, yang merupakan Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara:

DATO' DR. TAN YEW CHONG
Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

No. Kad Pengenalan : 670116-08-5329
Tarikh : **15 MAY 2018**

DATO' MOHD RIDHUAN BIN ISMAIL
Ketua Pegawai Eksekutif

No. Kad Pengenalan : 590408-07-6387
Tarikh : **15 MAY 2018**

PENYATA ANGGOTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA

Saya, **Abrari bin Salleh**, pegawai utama yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembentungan dengan ini mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benarkan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh)
penama di atas diBandar Baru Bangi.....)

Tarikh : 15 MAY 2018


.....
ABRARI BIN SALLEH
No. Kad Pengenalan : 690604-01-5299

Di hadapan saya,



310A Diamond Complex,
Bangi Business Park,
Jalan Medan Off Jln Persiaran
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

| | Nota | 2017 RM | 2016 RM |
|------------------------------------|------|----------------------|----------------------|
| ASET SEMASA | | | |
| Faedah Terakru | 5 | 35,109,765 | 11,713,059 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | 6 | 1,604,310,946 | 1,308,169,515 |
| JUMLAH ASET | | 1,639,420,711 | 1,319,882,574 |
| Dibiayai oleh: | | | |
| Dana terkumpul | | 1,629,831,890 | 1,308,738,985 |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pembiayaan | 7 | 9,461,788 | 6,272,140 |
| Akruan | | 13,874 | 13,247 |
| 13,247 | | | |
| Peruntukan cukai | | 113,159 | 4,858,202 |
| JUMLAH LIABILITI SEMASA | | 9,588,821 | 11,143,589 |
| JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI | | 1,629,831,890 | 1,308,738,985 |

Nota-nota yang disertakan di muka surat 30 hingga 36 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Nota | 2017 RM | 2016 RM |
|------------------------------|------|---------------------|---------------------|
| PENDAPATAN | | | |
| Sumbangan Modal Pembentungan | 8 | 360,339,245 | 337,399,791 |
| KOS PEMBIAYAAN PROJEK | 9 | (73,135,156) | (110,484,412) |
| LEBIHAN KASAR | | 287,204,089 | 226,915,379 |
| PENDAPATAN LAIN | | | |
| Pendapatan faedah | 10 | 57,972,473 | 48,983,214 |
| | | 345,176,562 | 275,898,593 |
| TOLAK: PERBELANJAAN | | | |
| Perkhidmatan dan bekalan | 11 | 6,213,880 | 5,686,656 |
| Caj bank | | 88 | 94 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | | 6,213,968 | 5,686,750 |
| LEBIHAN SEBELUM CUKAI | | 338,962,594 | 270,211,843 |
| PERCUKAIAAN | 12 | (17,869,689) | (16,394,894) |
| LEBIHAN SELEPAS CUKAI | | 321,092,905 | 253,816,949 |

Nota-nota yang disertakan di muka surat 30 hingga 36 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | | RM |
|---|--|----------------------|
| 2016 | | |
| Baki pada 1 Januari | | 1,054,922,036 |
| Lebihan selepas cukai bagi tahun kewangan | | 253,816,949 |
| Baki pada 31 Disember | | 1,308,738,985 |
| <hr/> | | |
| 2017 | | |
| Baki pada 1 Januari | | 1,308,738,985 |
| Lebihan selepas cukai bagi tahun kewangan | | 321,092,905 |
| Baki pada 31 Disember | | 1,629,831,890 |
| <hr/> | | |

Nota-nota yang disertakan di muka surat 30 hingga 36 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|-----------------------------|-----------------------------|
| <u>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</u> | | |
| Lebihan sebelum cukai | 338,962,594 | 270,211,843 |
| Pelarasan untuk: | | |
| Pendapatan faedah | (57,972,473) | (48,983,214) |
| Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja | 280,990,121 | 221,228,629 |
| Perubahan dalam modal kerja: | | |
| Faedah Terakru | (23,396,706) | (1,995,400) |
| Pembiutang | 3,189,648 | 1,620,220 |
| Akruan | 627 | 4,305 |
| Cukai dibayar | 260,783,690 (22,614,732) | 220,857,754 (11,454,623) |
| Tunai bersih yang diperoleh dari aktiviti operasi | 238,168,958 | 209,403,131 |
| <u>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</u> | | |
| Pendapatan faedah | 57,972,473 | 48,983,214 |
| Tunai bersih yang diperoleh dari aktiviti pelaburan | 57,972,473 | 48,983,214 |
| Lebihan bersih tunai dan kesetaraan tunai | 296,141,431 | 258,386,345 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun | 1,308,169,515 | 1,049,783,170 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun | 1,604,310,946 | 1,308,169,515 |

Nota-nota yang disertakan di muka surat 30 hingga 36 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. MAKLUMAT AM

Suruhanjaya telah ditubuhkan dengan berkuat kuasanya Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) pada 1 Februari 2007. Anggota Suruhanjaya telah dilantik oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Suruhanjaya terdiri daripada Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif dan tidak kurang daripada lapan dan tidak lebih daripada sepuluh orang lain.

Alamat Suruhanjaya adalah di Aras Bawah & Aras Satu, Prima Avenue 7, Blok 3510, Jalan Teknokrat 6, 63000 Cyberjaya, Selangor.

2. KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN

Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan ditubuhkan di bawah Seksyen 172 Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655) dengan berkuat kuasanya Peraturan-peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan) 2010 mulai 1 Januari 2011.

Selaras dengan peruntukan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Suruhanjaya) akan mengurus, mengawal dan mengendalikan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP) mulai 1 Januari 2011.

3. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Dasar pengurusan risiko kewangan KWSMP bertujuan untuk memastikan bahawa terdapat sumber kewangan yang mencukupi untuk pembangunan operasi KWSMP dan menguruskan risiko kredit, kadar faedah, tukaran asing dan kecairan. KWSMP beroperasi di bawah garis panduan yang telah ditetapkan dengan jelas yang diluluskan oleh KWSMP dan dasar KWSMP adalah untuk tidak melibatkan KWSMP dalam urus niaga spekulatif.

(a) Risiko mudah tunai

Risiko mudah tunai berkait dengan ketidakupayaan untuk memenuhi komitmen kewangan dan tanggungannya apabila sampai masa yang telah ditetapkan. KWSMP mempunyai tahap kecairan aset mudah cair yang mencukupi dan menyimpan tunai di institusi kewangan bagi tujuan memenuhi keperluan KWSMP dan lain-lain komitmen dan tanggungannya.

(b) Risiko kredit

KWSMP mengamalkan polisi di mana tunai dan bersamaan tunai disimpan hanya di bank dan institusi kewangan berlesen. Risiko kredit adalah risiko kerugian yang disebabkan oleh ketidakupayaan atau kegagalan pihak yang terlibat untuk memenuhi tanggungjawabnya membuat pembayaran semula. Pendedahan kepada risiko kredit adalah hasil daripada aktiviti-aktiviti urus niaga dan pelaburan.

Risiko kredit dikawal melalui aplikasi terhadap pengesahan kredit, had dan pengawalan prosedur. Ini dilaksanakan melalui rujukan daripada penarafan kredit yang diterbitkan oleh Institusi Kewangan. Sekiranya ketidaaan penarafan kredit, penyemakan kredit dalaman dilakukan untuk risiko kredit yang ketara.

(c) Risiko kadar faedah

KWSMP terdedah kepada risiko kadar faedah yang berkaitan dengan pelaburan simpanan tetapnya dengan sebuah institusi kewangan yang berlesen yang mempunyai kepercayaan kredit. KWSMP boleh terdedah kepada kerugian disebabkan oleh struktur kadar faedah yang timbul daripada perubahan kadar faedah. KWSMP mengurus risiko kadar faedahnya dengan meletakkan baki berkenaan mengikut terma kematangan dan kadar faedah yang berbeza-beza.

(d) Faedah terakru

Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkau tempoh matang.

4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Dasar perakaunan yang berikut diamalkan oleh KWSMP:

(a) Asas perakaunan

Penyata kewangan KWSMP telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) untuk entiti persendirian (Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia - MPERS).

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah kecuali sepetimana yang dinyatakan sebaliknya dalam polisi perakaunan penting dan amalan perakaunan yang diterima umum di Malaysia.

(b) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai mengandungi tunai dalam tangan, baki di bank dan deposit di bank berlesen yang amat mudah cair yang boleh ditukar dengan mudah kepada tunai dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(c) Pengiktirafan pendapatan

Semua pendapatan dikira atas dasar akruan kecuali kutipan sumbangan. Pendapatan kutipan sumbangan diiktiraf apabila kutipan telah dimuktamadkan. Pendapatan perkhidmatan terdiri daripada kutipan sumbangan KWSMP sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655).

(d) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa merupakan amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas lebihan bercukai bagi tahun semasa dan dikira mengikut kadar cukai yang dikuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaannya dalam penyata kewangan.

Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua potongan perbezaan sementara bercukai, setakat mana terdapatnya kemungkinan keuntungan bercukai masa hadapan yang ada boleh digunakan terhadap potongan perbezaan sementara.

(e) Urus niaga Pihak Berkaitan

Pihak-pihak yang dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak lain atau melaksanakan pengaruh ke atas pihak lain, setakat mana ia menghalang pihak lain dari mengejar kepentingan sendiri yang berasingan dalam membuat keputusan kewangan dan operasi.

(f) Instrumen Kewangan

(i) Aset kewangan dan aset liabiliti

KWSMP telah mengubah dasar perakaunan untuk pengiktirafan dan pengukuran aset kewangan semasa pelaksanaan MPERS 11: "Instrumen Kewangan Asas" pada 1 Januari 2015.

KWSMP mengklasifikasikan aset kewangan dalam kategori berikut: pada nilai saksama melalui untung rugi dan pelunasan kos.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

(ii) Pengiktirafan dan pengukuran

Pembelian dan penjualan rutin aset kewangan diiktiraf pada tarikh dagangan di mana KWSMP bertekad untuk membeli atau menjual aset tersebut. Aset kewangan yang dicatat pada nilai saksama melalui untung rugi diiktiraf pada nilai saksama, dan kos transaksi akan direkodkan dalam untung rugi. Aset kewangan tidak akan diperakui apabila hak untuk memperoleh aliran tunai yang dijana daripada pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan KWSMP telah memindahkan semua risiko dan manfaat pemilikan secara keseluruhannya. Aset kewangan sedia untuk dijual dan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi kemudiannya dinilai pada nilai saksama. Pinjaman dan penghutang kemudiannya direkodkan pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada perubahan nilai saksama ‘aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi’ dinyatakan dalam laporan penyata pendapatan di bawah kategori lain-lain untung/rugi bersih pada tempoh semasa. Pendapatan dividen daripada aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi diiktiraf dalam laporan penyata pendapatan sebagai sebahagian daripada lain-lain pendapatan apabila KWSMP telah mendapat hak untuk menerima bayaran.

(iii) Penjejasan aset kewangan

(i) Aset direkodkan pada kos pelunasan

KWSMP menilai pada setiap akhir tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti yang objektif bahawa aset kewangan mengalami penjejasan nilai. Aset kewangan mengalami penjejasan nilai dan rugi penjejasan nilai akan ditanggung hanya jika wujud bukti objektif berkaitan penjejasan nilai sebagai penyebab wujudnya peristiwa atau peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan aset tersebut ('peristiwa yang merugikan') dan peristiwa yang merugikan telah memberi impak pada anggaran aliran tunai masa depan bagi aset kewangan yang mana anggarannya boleh diperakui.

Kriteria yang digunakan KWSMP untuk menentukan bahawa wujud bukti objektif penjejasan nilai meliputi:

- Kesulitan kewangan penerbit dan penerima tanggungan;
- Pelanggaran kontrak, ingkar atau tunggakan faedah atau bayaran pokok;
- KWSMP, atas sebab-sebab ekonomi atau undang-undang yang berkaitan dengan kesulitan kewangan peminjam; memberikan konsesi kepada peminjam, yang mana kebiasaannya tidak diberikan;
- Berkemungkinan peminjam akan berdepan dengan masalah muflis atau lain-lain bentuk penstrukturran semula kewangan;
- Kehilangan pasaran aktif untuk aset kewangan disebabkan kesulitan kewangan; atau
- Data yang menunjukkan terdapat pengurangan ke atas anggaran aliran tunai masa depan yang boleh diukur dari portfolio aset sejak pengiktirafan permulaan aset tersebut; walaupun penurunan tersebut belum dapat dikenal pasti berkait mananya aset kewangan tertentu dalam portfolio, termasuk;
 - (a) Perubahan yang merugikan status pembayaran peminjam dalam portfolio; dan
 - (b) Keadaan ekonomi nasional atau tempatan yang berkait rapat dengan prestasi aset dalam portfolio.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

(iii) Penjejasan aset kewangan (sambungan)

KWSMP terlebih dahulu menilai bukti-bukti mengenai kewujudan penjejasan nilai. Jumlah kerugian diukur melalui perbezaan di antara nilai bawaan aset dan nilai masa kini bagi anggaran aliran tunai masa depan (tidak termasuk kerugian kredit masa depan yang belum berlaku) didiskaunkan pada kadar faedah efektif yang asal bagi aset kewangan itu. Nilai bawaan aset dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam laporan penyata pendapatan. Jika pinjaman atau pelaburan dipegang hingga jatuh tempoh matang memiliki kadar faedah berubah-ubah, kadar diskaun efektif masa kini adalah kadar diskaun yang digunakan untuk mengukur sebarang penjejasan seperti mana yang dinyatakan dalam kontrak. Secara praktikalnya, KWSMP dapat mengukur penjejasan nilai berdasarkan nilai saksama instrumen dengan menggunakan harga pasaran yang boleh diperhati.

Jika, pada tempoh berikutnya, jumlah rugi penjejasan berkurang dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan suatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan penjejasan nilai (seperti peningkatan tingkat kredit penghutang), pemulihan kerugian penjejasan nilai sebelumnya diakui diiktiraf dalam untung rugi.

(iv) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan meliputi skop MPERS 11 diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya apabila, KWSMP menjadi pihak yang terlibat kontrak peruntukan bagi instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf umum pada nilai saksama, yang mana bagi liabiliti yang terdiri daripada liabiliti selain derivatif, pengiktirafan ditambah kos transaksi terlibat secara langsung.

Selepas pengukuran awalan, kesemua liabiliti kewangan diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif kecuali untuk derivatif yang mana diukur pada nilai saksama.

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila tanggungan ke atas liabiliti dipadamkan. Apabila liabiliti kewangan yang wujud diganti oleh liabiliti yang lain dari pemberi pinjaman yang sama tetapi dengan terma-terma pinjaman yang berbeza, atau terma bagi liabiliti yang sedia ada dipindah, di mana pertukaran atau pindaan diperlakukan sebagai penamatan pengiktirafan ke atas liabiliti yang asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan dalam nilai bawaan turut diiktiraf dalam untung rugi.

5. FAEDAH TERAKRU

Faedah terakru adalah terdiri daripada faedah deposit yang dibuat di bank berlesen.

6. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan dan baki di bank dan simpanan tetap. Tunai dan setara tunai termasuk dalam penyata aliran tunai terdiri daripada amaun kunci kira-kira yang berikut:

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|----------------------|----------------------|
| Deposit di bank berlesen simpanan tetap | 1,599,800,000 | 1,305,600,000 |
| Baki bank | 4,510,946 | 2,569,515 |
| | 1,604,310,946 | 1,308,169,515 |

Kadar faedah efektif tertinggi dan terendah adalah 3.80% hingga 4.20% setahun dan tempoh matang antara 181 hingga 185 hari.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

7. PEMIUTANG

Amaun pembiutang termasuk amaun wang tahanan sebanyak RM5,490,190 (2016: RM4,836,551).

8. SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN

Butiran Kutipan Sumbangan Modal Pembetungan Mengikut Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.

| Kutipan Sumbangan KWSMP Mengikut Negeri | Mengikut Kategori (RM) | | | | 2017 RM | 2016 RM |
|--|------------------------|--------------------|------------------------------|---|--------------------|--------------------|
| | Naik taraf | Sambungan | Tangki Septik Individu | Kemudahan Enap Cemar dan Lain-lain | | |
| 1. PERAK | 0 | 2,219,780 | 1,047,798 | 251,936 | 3,519,514 | 6,628,375 |
| 2. SELANGOR | 3,354,881 | 73,684,861 | 2,061,174 | 1,494,781 | 80,595,697 | 75,794,202 |
| 3. PAHANG | -138,523 | 830,057 | 1,344,300 | 82,140 | 2,117,974 | 4,609,220 |
| 4. KELANTAN | 0 | 29,340 | 624,726 | 7,095 | 661,161 | 419,610 |
| 5. JOHOR | 0 | 11,143,228 | 1,566,124 | 1,501,449 | 14,210,801 | 2,944,687 |
| 6. KEDAH | 0 | 3,328,557 | 450,875 | 203,463 | 3,982,895 | 1,868,532 |
| 7. WP LABUAN | 0 | 1,651,095 | 63,360 | 2,395 | 1,716,850 | 137,296 |
| 8. MELAKA | 0 | 1,392,243 | 221,904 | 134,420 | 1,748,567 | 2,056,666 |
| 9. NEGERI SEMBILAN | 0 | 7,320,971 | 458,904 | 15,520 | 7,795,395 | 9,459,639 |
| 10. PULAU PINANG | 0 | 76,379,254 | 113,920 | 355,635 | 76,848,809 | 45,287,700 |
| 11. PERLIS | 0 | 550,000 | 158,280 | 17,730 | 726,010 | 821,147 |
| 12. TERENGGANU | 0 | 163,881 | 1,450,178 | 9,605 | 1,623,664 | 2,290,419 |
| 13. WP KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA | 3,304,262 | 161,418,251 | 51,290 | 18,105 | 164,791,908 | 185,082,298 |
| | 6,520,620 | 340,111,518 | 9,612,833 | 4,094,274 | 360,339,245 | 337,399,791 |

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

9. KOS PEMBIAYAAN PROJEK

Butiran Kos Pembiayaan Projek Mengikut Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.

| | 2017 RM | 2016 RM |
|----------------------------------|--------------------|--------------------|
| Kos Projek – Selangor | 27,165,872 | 23,322,276 |
| Kos Projek – Pahang | 2,700,300 | 11,646,812 |
| Kos Projek – Johor | 18,000 | 140,016 |
| Kos Projek – Kedah | 0 | 30,417 |
| Kos Projek – Labuan | 2,954,972 | 3,577,008 |
| Kos Projek – Melaka | 0 | 29,598 |
| Kos Projek – Negeri Sembilan | 26,737,574 | 28,179,103 |
| Kos Projek – Pulau Pinang | 12,791,664 | 43,533,560 |
| Kos Projek – Terengganu | 67,174 | 25,622 |
| Kos Projek – Wilayah Persekutuan | 699,600 | - |
| | 73,135,156 | 110,484,412 |

Kos projek di setiap negeri perlu dikenal pasti, dibentangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembentungan (JKWSMP) sebelum arahan pembayaran dapat dilaksanakan oleh Jawatankuasa Teknikal KWSMP.

Secara teknikalnya, KWSMP hanya membiayai perbelanjaan projek terhad kepada nilai kos projek yang telah diluluskan oleh JKWSMP dan pihak KWSMP adalah bebas dari sebarang komitmen dan tanggungjawab modal bagi projek-projek berkenaan kerana ianya adalah merupakan bukan aset KWSMP.

KWSMP hanya sebuah kumpulan amanah yang bertanggungjawab atas arahan pihak ketiga bagi membiayai perbelanjaan memajukan projek-projek yang telah ditetapkan.

10. PENDAPATAN FAEDAH

Pendapatan faedah adalah faedah yang diterima daripada simpanan tetap KWSMP di beberapa Bank dan di Institusi Kewangan Berlesen.

11. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|--------------------|--------------------|
| Cukai barang dan perkhidmatan (GST) | 6 | 5 |
| Kos perkhidmatan agen cukai dan auditan | 13,874 | 16,923 |
| Fi pengurusan KWSMP | 6,200,000 | 5,669,728 |
| | 6,213,880 | 5,686,656 |

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

12. PERCUKAIAN

| | 2017 RM | 2016 RM |
|-------------------------|-------------------|-------------------|
| Tahun semasa: | | |
| - Cukai pendapatan | 16,190,942 | 16,394,894 |
| Tahun terdahulu: | | |
| - Cukai terkurang | 1,678,747 | - |
| | 17,869,689 | 16,394,894 |

Penyesuaian di antara kenaan cukai dan lebihan kendalian sebelum cukai adalah seperti berikut:

| | 2017 RM | 2016 RM |
|--|--------------------|--------------------|
| Lebihan pendapatan sebelum cukai | 338,962,594 | 270,211,843 |
| Cukai dikira pada kadar cukai 28% (2016: 28%) yang ditetapkan bagi Pertubuhan di Malaysia (RM1,000,000 pertama, adalah RM238,650) | 238,650 | 238,650 |
| Kesan cukai ke atas: | | |
| - Perbelanjaan tidak dibenarkan | 22,217,755 | 32,527,925 |
| - pendapatan tidak tertakluk kepada cukai | (101,174,989) | (91,750,997) |
| - Cukai terkurang pada tahun sebelum | 1,678,747 | - |
| | 17,869,689 | 16,394,894 |

Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara telah mendapat pengecualian cukai pendapatan melalui Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 22) 2006 yang diberikan oleh Kementerian Kewangan pada 15 April 2009.

13. URUSNIAGA DENGAN PIHAK BERKAITAN

| | 2017 RM | 2016 RM |
|-------------------------|------------------|------------------|
| Belanja Pengurusan SPAN | 6,200,000 | 5,669,728 |

Tiada perbelanjaan telah diiktiraf dalam tempoh kewangan semasa untuk hutang lapuk atau hutang rugu berkenaan dengan amaun yang terhutang oleh pihak berkaitan.

14. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 15 Mei 2018.



www.span.gov.my

**Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
(National Water Services Commission)**

Aras Bawah & Aras Satu,
Prime Avenue 7, Blok 3510,
Jalan Teknokrat 6, 63000 Cyberjaya, Selangor.
Tel: 03-8317 9333 / 334 / 335 Faks: 03-8317 9339 / 9336